



PERDANA LIBRARY
 PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
 NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	19/2/2012

RTC Gopeng pelengkap agenda

Pembangunan luar bandar dibuat sejajar usaha transformasi negara

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim dan Nurhayati Abllah
 bhnews@bharian.com.my

IPOH: Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng menandakan permulaan fasa terakhir program pembangunan luar bandar dan menjadi pelengkap kepada agenda pembangunan luar bandar yang bermula pada 1960-an dan 1970-an, kata Datuk Seri Najib Razak.

Berdana Menteri berkata, RTC Gopeng yang dilaksanakan di bawah Program Transformasi Luar Bandar (RTP) dijangka selesai sepenuhnya menjelang 2020, seiring dengan Dasar Transformasi Negara (DTN), termasuk Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP).

"Saya katakan pusingan akhir sebab RTC Gopeng dianggap pelengkap agenda pembangunan luar bandar yang bermula ala-Buku Merah pada 60-an dan 70-an. Kini tiba masa pembangunan luar bandar dibuat sejajar agenda transformasi negara di mana ia mesti inklusif, mampan dan menegakkan keadilan sosial.

"Rakyat luar bandar mesti mengecapi transformasi dalam kualiti hidup yang lebih tinggi supaya apabila negara mencapai status negara maju, masyarakat luar bandar juga akan maju dan mengecapi penda-



patan lebih tinggi," katanya ketika merasmikan RTC Gopeng di sini, semalam.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; menteri peneraju lapan inisiatif yang

dilaksanakan RTC Gopeng iaitu Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Shafie Apdal; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah dan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Sidek Hasan.

RTC Gopeng menjadi perintis kepada RTC lain di seluruh negara iaitu RTC Kota Bharu (Kelantan), RTC Kuala Kedah (Kedah), Kuala Linggi (Melaka), Tanjung Manis (Sarawak) dan Pekan Nenas (Johor).

RTC yang diumumkan Najib ketika membentangkan Bajet 2012, menerapkan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan 4 (NBOS4) yang bermatlamat menjadi penghubung masyarakat luar bandar dengan aktiviti yang mempunyai nilai

tambah bagi mewujudkan impak ekonomi dan pendapatan berganda.

"Selepas fasa pertama pembangunan luar bandar bertumpu kepada aspek kemudahan asas seperti jalan, bekalan elektrik, rumah, pendidikan berkualiti, pembangunan secara kelompok dan tersusun seperti FELDA, FELCRA dan RISDA, kerajaan kini memberi tumpuan kepada konsep nilai tinggi dan nilai tambah.

"Petani dan pengeluar dibantu dengan menghubungkan mereka bukan saja kepada pasaran tradisional, tetapi pasaran moden iaitu pasaran yang boleh menjanjikan kuasa beli lebih besar," katanya.

Perdana Menteri berkata, RTC Gopeng menjadi tempat kerajaan dan swasta menyediakan perkhidmatan yang berkesan kepada petani, penternak dan nelayan, manakala sebuah pasar raya besar yang bakal dibuka membolehkan peniaga tidak lagi berniaga di tepi jalan, sebaliknya di lokasi terbaik.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Najib berkata RTC Gopeng akan menjadi pusat sehati dan nadi pertumbuhan masyarakat luar bandar kepada penduduk yang tinggal dalam lingkungan 100 kilometer daripada kawasan berkenaan, malah menyokong sebahagian kawasan Selangor dan Cameron Highlands.

